

**3 unit  
kedai pejabat  
3 tingkat**


Mukim Kuala Dungun



**McDonald's**

**4 unit  
kedai pejabat  
4 tingkat**

Batu 49, Dungun



**2 unit 4 tingkat  
ruang kedai & pejabat**

di Mukim Kuala Dungun



# Majlis Pelancaran National Blue Ocean Strategy

## Kejiranan Indah Desa Keluarga

Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu

Pada 15 Mac 2013 catatan sejarah berlaku dengan secara rasmi Flat Desa Pembangunan Keluarga, Kampung Bijanga Dungun terpilih bagi melaksanakan Program My Beautiful Neighbourhood. Majlis dilancarkan oleh Datuk Noriah binti Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, Kementerian Perumahan dan Kenyataan Tempatan. Projek yang menelan bantuan sebanyak RM4.2 juta merupakan Flat di bawah hak milik Yayasan Pembangunan Keluarga dan ia dibina adalah bertujuan untuk memberikan kehidupan selesa bagi penduduk yang berpenempatan rendah. Solar dengan hasilrat pucuk kepimpinan YAB Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri bagi melihat negara ini meneraju ke arah sebuah negara yang membangun, berpendapatan tinggi, harmoni dan sezhariah dalam semua aspek muka Flat tersebut terpilih bagi pelaksanaan Program My Beautiful Neighbourhood di bawah Program National Blue Ocean Strategy (NBOS).

Intipai National Blue Ocean Strategy (NBOS) merupakan satu tindakan kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat dengan projek-projek atau idea-idea yang kreatif melalui kesepakatan antara pelbagai kementerian, jabatan atau agensi persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan serta pihak swasta. Program My Beautiful Neighbourhood ini diadakan bagi memenuhi hasrat kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dari segi ekonomi dan kesejahteraan hidup serta alam persekitaran yang bersih, indah, selosai lagi corda. Program ini juga diadakan semata-mata untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk rumah awam terulamanya, seperti dengan kemudahan infrastruktur dan alam persekitaran yang tidak tenang dan kotar yang lemah membangikkan rasa terharu, hilang harapan dan kepercayaan di antara rakyat dimana menjadikan kualiti rakyat secara menyeluruh. Antara projek pentadbiran yang akan diaksarkan diawas dan dilaksanakan tersebut melalui :

- i) Penyelenggaraan bangunan oleh Jabatan Perumahan Negara yang melibatkan kos sebanyak RM2.7 juta melibatkan kerja-kerja mengelat bangunan, menaiktaraf loji kumuhahan dan pendawalan semula lampu di kidorong cangguran.
- ii) Menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan awam oleh Jabatan kerajaan tempatan yang melibatkan kos sebanyak RM1 juta melibatkan kerja-kerja menaiktaraf jalan, menaiktaraf longkang, membina lauan pejalan kak dan menaiktaraf lampu jalan.
- iii) Program Barisar Selamat oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa melibatkan peruntukan sebanyak RM40,000 bagi kerja-kerja memasang tempat letak motosikal berkunci dan pemasangan papan tanda keselamatan.
- iv) Projek lanskap dan pengindahan oleh Jabatan Landskap Negara dimana melibatkan kos sebanyak RM300,000 bagi kerja-kerja menaiktaraf tanah dahan dan rekreasi.
- v) Pembersihan kawasan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA). Peruntukan sebanyak RM100,000 dibenarkan kepada Pihak Majlis Perbandaran Dungun untuk melaksanakan kempen kebersihan, gotong-royong dan pembersihan komuniti.





# **Program Gotong-Royong Membersih Pantai Dungun**

**sempena Le Tour de Langkawi**

Program Gotong-Royong Membersih Pantai Sempena dengan Acara Le Tour De Langkawi telah diadakan pada 16 & 23 Februari 2013. Program gotong-royong ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Hajji Matuldi bin Jusoh, Ahli Parliment Dungun. Program tersebut telah melibatkan penyertaan pelbagai jabatan termasuk jabatan kerajaan, swasta, NGO, institusi pengajian dan orang awam. Program ini juga diadakan bertujuan untuk memperkenalkan alam persekitaran yang bersih, indah dan ceria sepanjang Pantai Teluk Lipat kepada peserta-peserta Program Le Tour De Langkawi, ini kerana ia merupakan sebuah kawasan pelancongan yang sangat berpotensi untuk menarik minat pelancong dalam mahupun luar negara. Program yang melibatkan 1000 orang peserta telah memperlihatkan komitmen yang baik dikalangan semua peserta yang hadir.



# Dapat Rumah Baru

Rumah bernilai RM10,000 itu disumbangkan Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar yang menyerahkan pengurusan terbabit kepada Majlis Perbandaran Dungun. Naban yang kematian suami sejak tujuh tahun lalu bersama anaknya berusia 21 hingga 30 sangat gembira selepas menerima kunci rumah terbabit yang disampaikan oleh Pengarah Jabatan Pengurusan Dan Sumber Manusia Majlis Perbandaran Dungun, Zahanapi Sagaf. Turut hadiri, Pegawai Perantau Pejabat Pembangunan Persekutuan Terengganu, Noor Assola A Rahman, Pegawai Khas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan Rantau Abang Razali Ismail serta Ketua Penolong Pegawai Daerah Dungun, Zawawi Abd Rahman. "Mak Cik tiga beranak bersyukur dan tidak akan melupakan jasa kerajaan kerana sebelum ini mak cik sekeluarga tidak pernah bermimpi untuk memperolehi sebuah rumah sebegini cantik kerana pendapatan arwah suami sebelum ini sebagai nelayan tidak cukup untuk saya membina rumah yang selesa sebegini," katanya. Katanya, biarpun tidak mampu melakukan kerja berikut penyakit asma yang dihidapnya serta tiga anaknya yang sekadar bekerja kampung namun dia bersyukur kerana kerajaan perhatin terhadap nasib golongan miskin sepertinya.




Terengganu mencatatkan peningkatan 13 kes atau 162 peratus dan apa yang membimbangkan catatan kes kematian di seluruh negara meningkat kepada 27 kes berbanding 23 kes September tahun lalu

Penduduk perlu meramandang serius dan menjadikan amalan membersih kawasan persekitaran kediaman serta kampung masing-masing sebagai agenda mingguan. Ini berikutan Negeri Terengganu dilaporkan antara tujuh negeri yang mencatatkan palingkatan kes jangkitan demam denghi di seluruh negara. Ahli Parlimen Dungun, Datuk Matulidi Jusoh berkata, selain Terengganu, Selangor, Sarawak, Sabah, Johor, Melaka, dan Pahang turut mencatatkan peningkatan kes terbabit yang tertinggi antara 23 hingga 29 September lalu sebagaimana yang dilaporkan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hasan Abdul Rahman. Katanya, Terengganu mencatatkan peningkatan 13 kes atau 162 peratus dan apa yang membimbangkan catatan kes kematian di seluruh negara meningkat kepada 27 kes berbanding 23 kes September tahun lalu.

"Marilah kita sama-sama berganding bahu dan kita perang dengan bermula hari ini," katanya selepas merasmikan Karnival Jelajah Silat bersama Komuniti Dungun, di Arena Square, di sini, semalam. Turut Hadir Yang Dipertua Majlis Perbandaran Dungun, Mohd Zu'kiffi Abu Bakar, Ketua Penolong Pegawai Daerah Dungun, Zawawi Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Kesihatan Perubatan Negeri Dr. Mohamad Omar, Pegawai Kesihatan Daerah Dr. Azmani Wahab dan Pengarah Hospital Dungun, Dr. Nasibah Fadzil. Matulidi berkata, perkara itu tidak perlu diparidang mudah dan semua penduduk termasuk Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung JKKK dan agensi kerajaan yang terbabit di seluruh negeri ini perlu segera bertindak.

"Penduduk tidak perlu meletakkan dibahu kerajaan seratus peratus sebaliknya perlu mengambil inisiatif bersama JKKK masing-masing bergotong-royong dengan kerjasama agensi kerajaan," katanya. Katanya, beliau kesal apabila mendapati ramai dikalangan penduduk hanya memerhati dari celah tingkap rumah sedangkan agensi kerajaan seperti MPD, Kesihatan dan JKKK bertungkus lumus datang bersih kampung mereka. "Buangkanlah amalan itu, muhasabahkanlah diri kita janganlah kita menyesal sekiranya ada dikalangan keluarga kita sendiri yang menjadi mangsa akibat serangan denghi," katanya.



# Karnival Silat